

Artikel Penyelidikan

Beting Beras Basah: Menelusuri keunikan istiadat pertabalan Sultan Perak.

Ida Hani Ishak¹, Siti Balqis Afnal Azhar², Jafalizan Md Jali³, & Mazlina Pati Khan^{4*}.

1 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; idahxni11@gmail.com

2 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; balqisafnal@gmail.com

3 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

4 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; mazlina8001@uitm.edu.my;  0000-0003-3442-2917

* Correspondence: mazlina8001@uitm.edu.my; +60139534321.

Abstrak: Makalah ini membincangkan tentang penyelidikan tempat bersejarah Beting Beras Basah yang mempunyai nilai Sejarah yang penting dalam Istiadat Pertabalan Sultan Perak kerana Kawasan dan nilai sejarahnya yang semakin dilupakan oleh generasi kini. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dengan melaksanakan kaedah temubual bersama Ketua Kampung Sungai Betul dan Kampung Sungai Ular di Bagan Datuk, Perak iaitu Encik Kamarulzaman bin Abdullah dan Encik Md Saril bin Ahmad bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai tempat bersejarah tersebut. Antara objektif utama kajian ialah mengenali sejarah Beting Beras Basah secara lebih terperinci sehingga dikenali sebagai tempat Tabal Pusaka Sultan Perak. Selain dari itu, kajian ini juga mengenalpasti perkembangan serta kemajuan yang dilakukan di kawasan sekitar Beting Beras Basah. Hasil kajian daripada perkongsian tokoh juga telah membantu dalam mengetahui perkembangan dan kemajuan yang dilaksanakan di kawasan sekitar. Akhir sekali, semua rakyat hendaklah menyedari dan memelihara salah satu kawasan khazanah negara ini agar ia dapat dilihat oleh generasi-generasi seterusnya.

Kata kunci: Beting Beras Basah, Istiadat Pertabalan Sultan Perak, Kampung Sungai Ular, Kampung Sungai Betul.

DOI: 10.5281/zenodo.10910127



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Di Malaysia, terdapat 13 negeri dan 3 wilayah persekutuan yang mana hanya terdapat 9 buah negeri sahaja yang mempunyai sultan atau raja. Perak juga mempunyai sultan tersendiri dan sultan pertama di Perak ialah Sultan Mudzaffar Shah I. Pada awalnya, negeri Perak diperintah oleh beberapa kerajaan tempatan yang berasingan seperti Perak Tengah yang diperintah oleh Tun Saban dan Ulu yang diperintah oleh Raja Roman (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak, 2024). Kemudian, wujud pula sistem pemerintahan beraja di negeri Perak bermula dengan Sultan Mudzaffar Shah I apabila baginda ditabalkan di Beting Beras Basah pada abad ke-16 mengikut Dr Suprayinto (2016). Menurut beliau, terdapat 3 versi penceritaan berkenaan Raja pertama di Perak iaitu dalam versi pertama, pengasas Kerajaan Perak adalah Sultan Mudzaffar Shah I. Versi Kedua pula pengasasnya Raja Beruas bernama

Tuan Baijit dan versi penceritaan ketiga pula pengasasnya Raja Minangkabau. Di Malaysia, penceritaan pertama merupakan penceritaan yang terkenal dan kukuh serta telah lama dipegang oleh rakyat setempat.

Beting Beras Basah merupakan tempat bersejarah yang berada di negeri Perak dan amat penting dalam upacara Tabal Pusaka Sultan Perak yang berada di antara dua kampung di Bagan Datuk, Perak. Kewujudan Negeri Perak juga mempunyai kaitan dengan Beting Beras Basah kerana tempat ini merupakan kawasan pertama Sultan Mudzaffar Shah I berlabuh di Perak. Negeri Perak wujud apabila Sultan Mahmud Shah iaitu Sultan terakhir Melaka iaitu Sultan Mahmud Shah lari ke Kampar akibat daripada serangan jajahan Portugis ke atas Melaka. Sultan Mahmud Shah mengarah anaknya untuk pergi ke Perak dan diiringi rombongan serta dibawa bersama peralatan kebesaran (Suwaibah & Zulkainain, 2023). Sultan Mudzaffar Shah I merupakan salah satu anak daripada Sultan Mahmud Shah yang juga menjadi watak utama apabila baginda sampai di Beting Beras Basah. Hal ini kerana apabila Sultan Mudzaffar Shah I pergi ke Beting Beras Basah dengan menaiki bahtera dari Kampar, Sumatera, Indonesia, telah berlaku peristiwa yang tidak dijangka (Pejabat DYMM Sultan Perak). Sejarah ini mempunyai 2 versi penceritaan dalam kalangan masyarakat sekitar yang tinggal di Bagan Datuk. Menurut Mohammad Izzuddin (2022), sejarah nama ini terdapat dua cerita yang berbeza yang mana ia mengikut pengertian bahasa dan sumber lisan daripada orang lama di sana.

Kawasan Beting Beras Basah telah ada perkembangan dari segi infrastruktur yang mana telah dibina jeti, pondok, dan mini galeri untuk menarik pelancongan apabila terdapat pelancong ingin melawat kawasan itu. Selain itu terdapat juga kedai makan dan juga tandas tetapi kemudahan infrastruktur ini tidak dapat di operasi lagi. Jabatan Kerja Raya Perak (JKR) juga telah menurap jalan apabila Sultan Nazrin menjalankan Istiadat Tabal Pusaka pada tahun 2015. Tok Sidang Mad Saril yang menjadi ketua kampung pada Jun 2023 juga telah sedaya upaya untuk mencantikkan lagi dan menjaga kawasan Beting Beras Basah serta memohon peruntukan bagi menjaga Beting Beras Basah.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dibuat kerana kurangnya pengetahuan dalam kalangan masyarakat ataupun kurang berminat untuk mengambil tahu tentang sejarah sesuatu tempat yang mana ia berkemungkinan mempunyai nilai sejarah yang sangat besar untuk sesebuah negeri maupun sebuah negara. Terdapat golongan masyarakat yang kurang berminat untuk mengambil tahu mengenai sejarah kerana beranggapan bahawa sejarah hanyalah sejarah yang tidak mempunyai nilai. Tanggapan sejarah sebagai hanya rangkaian peristiwa masa lalu yang tidak perlu dipelajari adalah kurang tepat kerana ia sebenarnya wajib difahami bagi memudahkan pembentukan negara bangsa (Siti Haliza, 2019).

Sehingga kini, tiada pendokumentasian yang lengkap mengenai Beting Beras Basah yang boleh diperolehi daripada mana-mana sumber rujukan yang sahih. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat yang berada di atas talian tidak lengkap dan masyarakat perlu mencari maklumat dengan bertanya kepada orang-orang terdahulu dan dirisaukan maklumat tersebut semakin lain daripada cerita asal ataupun terdapat penambahan cerita yang tidak sahih yang diceritakan orang dahulu kerana daya ingatan mereka yang semakin rendah. Sehingga kini, kajian dan tulisan yang mendalam mengenai Beting Beras Basah masih belum ditemui lagi, mungkin masih tersimpan ataupun masih belum dilakukan lagi (Dr. Jelani, 2014).

Disebabkan kekurangan dokumen akan membawa kepada masalah yang berkemungkinan negara lain akan menuntut sejarah ini berasal daripada negara mereka. Sampai masa kini, kawasan ini masih tidak diiktiraf oleh mana-mana pihak seperti jabatan Warisan Negara (Mohammad Izzuddin, 2022). Perkara ini boleh menyumbang kepada perkara yang tidak diingini. Seperti yang kita tahu negara

Malaysia merupakan negara serumpun dengan Indonesia, Thailand, Singapura, dan Brunei yang mempunyai warisan yang hampir sama bagi setiap negara ini. Dokumen yang berkaitan tentang sejarah atau warisan ini menunjukkan bukti yang kukuh dan sahih yang menyukarkan negara lain untuk menuntut hak Malaysia.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengkaji sejarah berkaitan Beting Beras Basah.
- ii. Mempelajari proses Tabal Pusaka yang dilakukan di Beting Beras Basah.
- iii. Mengenalpasti kemajuan infrastruktur yang dibina di Beting Beras Basah.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berikut adalah persoalan kajian yang hendak dijawab dalam kajian:

- i. Apakah sejarah Beting Beras Basah?
- ii. Bagaimana istiadat tabal pusaka dilakukan di Beting Beras Basah?
- iii. Apakah kemajuan infrastruktur yang dibangunkan di Beting Beras Basah?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada semua golongan. Kajian ini akan memberi kesan yang positif dalam kalangan masyarakat iaitu dapat menambah ilmu pengetahuan yang lebih luas dengan tidak mengubah sebarang maklumat. Sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan (Seow Han Lin, 2020).

Kepentingan lain bagi kajian ini adalah ia dapat menghasilkan dokumen yang mampu menjaga sejarah Beting Beras Basah. Penghasilan dokumen ini dapat mengekalkan maklumat untuk pengetahuan generasi akan datang. Peranan sejarah lisan boleh dikatakan amat penting untuk membina semula peristiwa-peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod-rekod yang telah hilang atau dimusnahkan (Seow Han Lin, 2020) begitu juga dengan sejarah yang belum didokumentkan.

Kepentingan lain dari kajian ini adalah dapat menjaga sejarah ini daripada dituntut daripada mana-mana negara yang ingin melakukannya. Hal ini kerana dokumen yang dihasilkan dapat menunjukkan bukti bahawa kajian telah dijalankan dengan melibatkan orang terdahulu untuk menceritakan sejarah ini. Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi serta seterusnya amat penting dalam mencatat kejadian lepas yang pernah dilalui oleh seseorang (Seow Han Lin, 2020).

6. TINJAUAN LITERATUR

Di dalam bahagian ini telah dimasukkan beberapa skop kajian yang berkaitan dengan Beting Beras Basah Istimadat Pertabalan, Sejarah Beting Beras Basah dan Kemudahan Infrastruktur di Kawasan Pelancongan Warisan.

Istiadat Pertabalan

Apabila baginda layak untuk menjadi Sultan di Perak itu, baginda perlu melalui Tabal Adat dan juga Tabal Pusaka. Bagi adat pertabalan, selalunya Tabal Adat ini akan dilakukan di dalam istana, antaranya seperti mendengar 10 lagu nafiri yang perlu didengar di dalam satu ruangan dan tidak boleh didengar oleh masyarakat biasa dan mengambil tujuh air bersiram tabal di Kuala Sungai Perak iaitu Sungai Kangsar, Kuala Sungai Chepias, Kuala Sungai Sayong, Kuala Sungai Hitam, Kuala Sungai Chermin, Kuala Sungai Buaya, Kuala Sungai Menora untuk dibawa ke istana. Bagi Tabal Pusaka pula, ia perlu dibuat di luar kawasan istana iaitu dengan menziarah makam-makam Sultan Perak terdahulu setelah melakukan Tabal Adat. Baginda perlu menziarah makam-makam DiRaja di seluruh Perak iaitu bermula dari Manong dan berakhir di Kampung Gajah. Dan akhir sekali, baginda perlu melakukan Tabal Pusaka di Beting Beras Basah (Laman Sesawang Rasmi Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Negeri Perak, 2023) untuk mencecah kaki dan bersiram. Pada zaman ini, baginda perlu mencecah kaki sahaja.

Beting Beras Basah

Penyelidikan ini memfokuskan kepada sejarah Beting Beras Basah, ia merupakan salah satu Kuala Sungai yang berada di Perak. Tempat ini berfungsi untuk menjalankan Tabal Pusaka yang wajib dilakukan di kawasan tersebut. Di Beting Beras Basah juga menjadi tempat pertama Sultan Perak berada di Negeri Perak, apabila baginda yang mudik ke Sungai Perak dari Kampar kerana telah dihalau oleh Orang Besar Kampar (Dr. Suprayitno, 2016) melalui jalan laut dan ditunggui oleh Tun Saban dan Tok Temong dengan menaiki bahtera serta bahtera baginda tersangkut di kawasan beting. Sejarah mengenai Beting Beras Basah diceritakan dari generasi ke generasi melalui lisan. Sejarah ini juga mempunyai keajaiban dan juga mistik apabila bahtera dapat melepassi kawasan beting. Terdapat 2 penceritaan situasi ketika bahtera tersangkut di bahagian beting. Seruan yang diucapkan Sultan Mudzaffar Shah I:

“Selilit Tanah Minangkabau,
Selengkung Pulau Perca,
Dilingkung ular sakti muna,
Sebenarnya aku menjadi Raja,
Jauhkan segera malapetaka,
Perpisahan aku di selat Melaka.”

Kemudahan Infrastruktur di Kawasan Pelancongan Warisan

Menurut Dr Ismail Ahmad (2023), kawasan Beting Beras Basah merupakan tempat yang wajar dipelihara kerana kepelbagaiannya ekologi dan kepentingannya sebagai warisan pertabalan kesultanan Perak. Namun, Beting Beras Basah dipandang enteng oleh pihak berwajib sehingga ia dipenuhi dengan semak samun dan mini galeri yang diletakkan di bahagian tengah jeti telah rosak dan cerminnya telah pecah (Ain Safre Bidin, 2023). Dahulu, laluan menuju ke Beting Beras Basah merupakan jalan ladang dan belukar kecil sahaja sebelum jalan tar sepanjang enam kilometer yang baru diturap melalui Kampung Sungai Balai Baroh (Nurul Husna Mahmud, 2018). Jeti sepanjang 500 meter juga telah dibina untuk memudahkan pengunjung merentasi laluan berpaya (Nurul Husna Mahmud, 2018). Selain daripada jeti, terdapat juga pintu gerbang yang menandakan jalan masuk dari laluan utama di Kampung Sungai Balai Baroh dan tandas awam yang dibina di hadapan Jeti Beting Beras Basah. Mini

galeri yang mengandungi sejarah Kesultanan Perak juga telah di baikpulih untuk memudahkan pengunjung melihat kandungan yang ada di papan maklumat tersebut.

7. METODOLOGI

Sejarah lisan pula merupakan kaedah pengumpulan data melalui lisan untuk mendapatkan maklumat dari sumber primari bagi memelihara, dan mentafsir suara dan kenangan orang, masyarakat, dan peserta dalam peristiwa masa lalu (Perpustakaan Universiti Malaya, 2021). Hal ini bermaksud sejarah lisan ini merupakan kaedah yang penting untuk pengumpulan data kerana penceritaan tersebut akan menjadi sumber pertama sebelum terhasilnya dokumen. Penceritaan itu juga akan menjadi bukti bagi membenarkan dokumen bertulis. Kaedah sejarah lisan ini amat penting bagi penyelidik untuk membuat kajian mengenai sesuatu terutama mengenai kemahiran, amalan dan juga sejarah. Jika tidak, sukar untuk penyelidik untuk mencari maklumat yang jelas serta memahami dan mendalami maklumat yang disampaikan. Kaedah sejarah lisan selalunya menggunakan kaedah temubual untuk mencari maklumat. Untuk kajian ini, penyelidik menemubual dua (2) orang tokoh yang berdedikasi dan masing-masing merupakan mantan Tok Sidang dan Tok Sidang terkini di Kampung Sungai Betul dan Sungai Ular.

Sesi temubual bersama mantan Tok Sidang yang merupakan tokoh pertama iaitu Encik Kamarulzaman bin Haji Abdullah dijalankan pada 10 Disember 2023 yang bertempat di Kampung Sungai Ular. Sesi temubual ini mengambil masa sekitar 1 jam 9 minit. Manakala tokoh kedua pula yang merupakan Tok Sidang terkini iaitu Encik Md Saril bin Ahmad yang dijalankan lebih awal daripada tokoh pertama iaitu pada 1 Disember 2023 yang mengambil masa selama 38 minit. Kedua-dua tokoh ini dapat menjawab soalan dan membantu untuk menyiapkan penyelidikan ini. Selain daripada kaedah temubual sejarah lisan, penyelidik juga menjalankan kaedah analisa kandungan maklumat di beberapa sumber maklumat seperti koleksi arkib di Arkib Negara Malaysia serta maklumat diatas talian. . Antara laman sesawang seperti akhbar digital, blog dan *Online Finding Aids* (OFA) di bawah seliaan Arkib Negara Malaysia menjadi tempat rujukan penyelidikan.

8. HASIL KAJIAN

Sejarah Beting Beras Basah

Kedua-dua tokoh menceritakan sejarah Beting Beras Basah dengan baik. Beting Beras Basah ialah satu tempat yang penting bagi institusi Sultan Perak dan juga bermulanya kerajaan Perak. Perkara ini disokong oleh (Dr. Suprayitno, 2016). Ia bermula daripada Sultan Mudzaffar Shah I yang merupakan anak Sultan Mahmud Shah yang merupakan sultan terakhir di Melaka. Dengan ini dapat menunjukkan bahawa Sultan yang memerintah Perak pada ketika itu mempunyai darah Sultan Melaka. Disebabkan darah yang mengalir di dalam badan Sultan Perak pertama ini yang menunjukkan baginda layak untuk menjadi pemimpin. Ini telah dibuktikan apabila seruan dan ayat sumpahan yang disebut baginda itu. Apabila baginda menyebut ayat itu, beting yang menyekat bahtera baginda hilang dan juga bahtera baginda dapat sampai ke darat. Maklumat mengenai sejarah ini hampir sama dengan apa yang dicerita dengan kedua tokoh tersebut tetapi tokoh pertama lebih memegang kepada fakta dan logik dan tokoh kedua pula menerima logik dan mitos. Temubual ini melengkapi penyelidikan kami agar dapat melihat dari setiap sudut dan sisi.

Asal usul nama Beting Beras Basah

Terdapat dua versi penceritaan tentang penamaan kawasan tersebut hasil perolehan daripada temubual yang dijalankan. Untuk penceritaan versi pertama, apabila baginda telah tiba di Sungai Perak, terdapat ombak yang menolak bahtera sehingga tersangkut di bahagian beting tersebut. Hal ini

menyebabkan bahtera baginda tidak dapat bergerak ke kawasan darat. Jadi, anak-anak kapal dan rakyat di dalam bahtera diarahkan untuk turun dan menolak bahtera memandangkan paras air di beting itu cetek, maka mereka dapat turun dengan selamat. Tuanku Sultan Mudzaffar I Shah telah menyebut ayat sumpahan ataupun seruan bagi menghilangkan malapetaka yang terjadi ketika itu dan baginda sendiri yang turut menyertai dalam menolak bahtera. Disebabkan hal itu, dengan tiba-tiba bahtera baginda dapat bergerak dan melepas beting. Disebabkan ayat sumpahan itu, Sultan Mudzaffar Shah I telah menunjukkan baginda layak menjadi Sultan Perak untuk memimpin rakyat jelata. Bagi versi kedua pula, perbezaannya hanya pada bahagian apabila bahtera tersangkut di bahagian beting, mereka telah membuang barang-barang yang berada di dalam bahtera ke dalam sungai untuk meringankan bahtera termasuk beras. Dalam versi ini juga, baginda ada menyebut seruan atau ayat sumpahan yang sama dan secara tiba-tiba bahtera dapat melepas kawasan beting. Menurut penceritaan versi ini juga, pasir di kawasan tersebut berbentuk seperti beras kerana beras yang dibuang ke dalam sungai.

Istiadat Tabal DiRaja

Bermula daripada Sultan Azlan Shah, Istiadat Tabal Pusaka dikenali sebagai Istiadat Tabal Jin. Dalam proses ini, sultan yang bakal ditabalkan perlu bersiram di Beting Beras Basah, namun, proses bersiram ditukarkan dengan mencecahkan kaki ke dalam air sungai di Beting Beras Basah sahaja. Signifikan kepada penukaran ini adalah kerana proses tersebut mengandungi unsur khurafat dan ia perlu dimansuhkan atas nasihat Mufti Negeri Perak kerana manusia berbeza daripada jin. Walaupun proses bersiram ini telah disesuaikan dengan peredaran zaman dan agama, proses bersiram tujuh kuala sungai Perak masih dikekalkan kerana ia tiada unsur khurafat. Hal ini kerana tujuh kuala sungai tersebut menunjukkan sempadan daerah takluk dalam negeri Perak dan ia menjadi simbolik sultan tersebut berkuasa di semua daerah tersebut.

Perkembangan Kemudahan Infrastruktur di Beting Beras Basah

Perkembangan yang berada di kawasan tersebut tidak terlalu banyak dan mengambil masa yang lama untuk menambah kemudahan asas di sana. Hal ini kerana dalam sesi temubual bersama tokoh kedua, beliau ada menyebutkan bahawa kawasan Beting Beras Basah tidak boleh terlalu cantik ataupun menonjol dan Sultan perak tidak berkenan dengan perubahan yang melampau di Beting Beras Basah disebabkan kawasan daulat dan berada di bawah Sultan Perak. Jadi, untuk melakukan apa-apa perubahan dan penambahbaikan di kawasan itu perlu mendapat persetujuan daripada Sultan terlebih dahulu. Tokoh pertama dan juga tokoh kedua ada memberi pendapat mengenai kemajuan disini. Mereka beranggapan bahawa kawasan Beting Beras Basah mampu menjadi daya tarikan pelancong. Perkara ini disetujui oleh (Johan dan Shahrul, 2015) Bagan Datoh berpotensi dijadikan sebagai salah sebuah destinasi pelancongan kerana mempunyai sumber jaya yang boleh dipromosikan sebagai produk pelancongan seperti Pulau Sembilan, Beting Beras Basah, Homestay Bagan Datoh, Sungai Perak dan Sungai Bernam serta perkampungan nelayan (bagan) yang boleh di tumpukan kepada pelancongan pendidikan dan pelancongan luar bandar. Hal ini menunjukkan bahawa kawasan Beting Beras Basah mampu memberi sumbangan dari segi ekonomi dan juga pelancongan bagi menambahkan pendapatan negeri serta membantu dalam mengekalkan sejarah Kesultanan Perak.

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, sejarah mengenai Beting Beras Basah ini perlu didokumentasikan kerana merupakan salah satu tempat yang penuh dengan nilai sejarah, keajaiban dan juga mempunyai unsur mistik yang dipercayai oleh masyarakat sekitar. Tempat ini juga mampu memberi sumbangan kepada sektor ekonomi dan sosial kepada masyarakat setempat jika tempat ini dipelihara dan dimajukan

sebagai salah satu tempat tarikan pelancongan warisan. Diharapkan hasil kajian ini dapat menambah lebih banyak maklumat mengenai lokasi bersejarah ini. . Penyelidik mencadangkan agar lebih banyak kajian mengenai lokasi Tabal Pusaka lain seperti menziarahi makam-makam perlu melengkapkan maklumat secara skop yang besar mengenai Istiadat Tabal Pusaka di Negeri Perak. Dengan ini, masyarakat boleh mengambil tahu dengan institusi sultan di Perak. Diharapkan agar akan ada penyelidik pada generasi akan datang membuat kajian dan membantu Kerajaan Negeri Perak dan Institusi Sultan Perak untuk menjaga amalan dan juga sejarah Sultan Perak daripada Sultan Pertama Perak sehingga kini. Semoga sejarah mengenai kawasan Beting Beras Basah akan dijaga serta dikenalkan adat istiadat Sultan di sana.

RUJUKAN

- Ali, A. H & Ismail, K. (2014). Prosiding: Seminar Pensejarahan Bagan Datoh.
- Bernama. (2015, April 20). Pertabalan Sultan Nazrin Tonjol keunikan ISTIADAT Kesultanan melayu perak - SEMASA. mStar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/04/20/pertabalan-sultan-nazrin>
- BETING BERAS BASAH. Pejabat D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Perak. (n.d.). <http://sultan.perak.gov.my/index.php/informasi-kesultanan/sejarah/beting-beras-basah>
- Bidin, A. S. (2022, Ogos 24). Beting Beras Basah Bakal Dinaik Taraf. Kosmo Digital. <https://www.kosmo.com.my/2022/08/24/beting-beras-basah-bakal-dinaik-taraf/>
- Bidin, A. S. (2023, Jun 20). Kawasan Istiadat Pertabalan Beting Beras Basah terbiar. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/kawasan-istiadat-pertabalan-beting-beras-basah-terbiar/>
- Dimon, Z. (2020a). PERANAN SULTAN SEBAGAI KETUA AGAMA: SOROTAN ISU-ISU BERKAITAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DI MALAYSIA. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5), 1018–1028. http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/101_ID052_PERANAN_SULTAN_SEBAGAI_KETUA_AGAMA.pdf
- Editor. (2023, April 12). Beting Beras Basah perlu perhatian. Bebasnews. <https://bebasnews.my/2023/04/12/beting-beras-basah-perlu-perhatian/>
- Ensiklopedia - ADAT PERTABALAN SULTAN PERAK. (n.d.). Dewan Bahasa dan Pustaka. [#LIHATSINI](https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pertabalan&d=243192)
- Farhan, A. (2023, Ogos 23). Beting Beras Basah, Bagaimana Sultan Perak Pertama Ditabalkan. The Patriots. <https://thepatriots.asia/beting-beras-basah-bagaimana-sultan-perak-pertama-ditabalkan/>
- Haidi Abd Hamid, YM Raja Mohd Yahuza Raja Shahrudzaman, Azmi, & Abdul Sukor Nordin (2015, Mei 18). Adat ISTIADAT Pertabalan Paduka seri sultan Perak Darul ridzuan. SembangKuala. <https://sembangkuala.wordpress.com/2015/05/05/adat-istiadat-pertabalan-paduka-seri-sultan-perak-darul-ridzuan/>
- Hasan, W. A. W. (2018, Februari 15). Bukan Khurafat. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/05/49730/bukan-khurafat>
- Jasbindar, F. A., & Hariz, D. (2019, Mac 9). Keunikan Sistem Hirarki Kesultanan perak. Orang Perak. <https://www.orangperak.com/keunikan-sistem-hirarki-kesultanan-perak.html>
- Mahmud, N. H. (2018, Jun 26). Uniknya Beting Beras Basah. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/06/352009/uniknya-beting-beras-basah>

Megat, S. (2020, November 11). Sejarah Kesultanan Perak Terungkai di Beting Beras Basah. The Malaya Post. <https://themalayapost.my/sejarah-kesultanan-perak-terungkai-di-beting-beras-basah/>

Izzuddin, M. (2022). Kepentingan Beting Beras basah Dalam Institusi Kesultanan Negeri Perak Darul Ridzuan Kepada Masyarakat. http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3683/1/C18A0119_MOHAMMAD%20IZZUDDIN%20BIN%20MOHD%20PAUZI.pdf

Sejarah Ringkas Negeri Perak. Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak. (2020). <https://www.perak.gov.my/index.php/en/18-kerajaan-negeri/31-sejarah-ringkas-negeri-perak>

Siti Haliza. (2019, Mac 19). Dalami Sejarah Negara, Tangani Salah Faham. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/03/542754/dalami-sejarah-negara-tangani-salah-faham>

Suwaibah & Zulkanain. (2023, December). Permasalahan Sempadan dan Tuntutan Wilayah: Kajian Latar Belakang Hubungan dan Sejarah Awal Hulu Perak-Reman Sebelum 1882. <https://ajap.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/43278/16373>